

**TITAH  
SEMPENA SAMBUTAN HARI ULANG TAHUN  
ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI  
YANG KE 52 TAHUN**

**BERTEMPAT  
DI PERKHEMAHAN BOLKIAH GARRISEN**

**PADA HARI SABTU  
22 REJAB 1434 BERSAMAAN I JUN 2013**

Alhamdulillah, Beta bersyukur kehadiran Allah kerana dapat bersama di majlis sambutan hari ulang tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei ke 52. Beta juga ingin melahirkan rasa syukur yang mendalam kerana negara kita dapat terus menikmati keamanan dan keselamatan dalam suasana global. Kita juga komited untuk melibatkan diri dalam kerjasama persefahaman dan perpaduan. Dalam ASEAN kerjasama tersebut termasuklah melalui rangka Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN atau ADMM dan ADMM plus serta Ketua-Ketua Tentera ASEAN.

Salah satu mekanismanya ialah latihan kententeraan '*humanitarian assistance*' dan '*disaster relief*' dan '*military medicine*' yang akan diadakan dinegara ini dalam sedikit masa lagi. Latihan ini adalah merupakan mercu tanda kepada kerjasama ASEAN dengan negara-negara rakan dialog yang julung-julung kali diadakan di rantau ini. Selain dari tujuan menjalin persahabatan, latihan ini juga akan di manfaatkan oleh semua negara yang terlibat sebagai pengalaman baru dalam aspek operasi bersama.

Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, dalam usianya 52 tahun sudah seharusnya masak untuk mewujudkan kewibawaan pertahanan yang wajar sebagai tunggak pertahanan. Peranan ABDB akan terus melalui beberapa perubahan dan perkembangan seperti operasi-operasi keamanan bantuan kemanusiaan dan penguatkuasaan undang-undang. Selaras dengan perkembangan ini, dan bagi memantapkan lagi keberkesanan ABDB, Beta telah memperkenankan struktur organisasi angkatan angkatan tentera yang baru yang mula berkuatkuasa pada 31 Mei tahun 2013. Penyusunan secara berfasa ini, bertujuan untuk membentuk satu kerahan tentera yang lebih robus dan fokus. Selaras dengan perolehan aset-aset ketenteraan dengan memanfaatkan perkembangan teknologi dan keupayaan anggota sebagai pemangkin utamanya.

Namun, keberkesanan sesuatu operasi itu, banyak bergantung kepada perancangan dan persediaan yang teliti dan rapi. Maka untuk ini beta adalah menyambut baik usaha menyediakan garis panduan yang lebih tearah khasnya dalam pelaksanaan operasi dan latihan secara gabungan bagi seluruh Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan agensi-agensi keselamatan awam. Sehubungan ini, pada hemat Beta, penubuhan Pusat Doktrin dan Peperangan atau *Joint Doctrin* dan *Warfare Centre*, sebagai sifatnya institusi operasi bersama adalah perlu dilaksanakan dengan secepatnya.

Beta yakin, perkembangan ini mampu untuk mencetuskan perubahan minda dan anjakan paradigma. Demikian juga setiap pembangunan, sebaiknya mengikut piawaian dan garispandu tentera, agar ia dapat melahirkan suasana dan persekitaran yang kondusif pada nilai-nilai agama, kesihatan, mesra alam dan yang penting melahirkan budaya professional yang mantap. Hasrat

untuk mengadakan permodenan secara holistik perlulah mengambil kira perancangan dan penyelidikan yang bersistematik, serta konsep pemeliharaan berpanjangan atau *full life circle*. Pusat-pusat penyelidikan pertahanan diperlukan aktif dalam mengenal pasti dan mengkaji secara terperinci perkembangan teknologi serta bijak memilih alat kelengkapan yang bersesuaian.

Dengan mempunyai wawasan yang jelas, tidak mustahil kita akan dapat membentuk sistem kita yang tersendiri. Maka untuk itu, sangat lah mustahak mejauhi disiplin dan trend sosial yang bertentangan entika ABDB. Bidang kuasa mahkamah tentera adalah cukup luas untuk menangani kes-kes yang berkaitan berdasarkan peruntukan perundangan yang ditetapkan. Langkah menguatkuasakan undang-undang ini, merupakan cara terbaik untuk menangani sebarang isu daripada menular.

Kebajikan anggota tentera adalah tidak pernah diabaikan, bermula dari awal perkhidmatan sampailah menjelang persaraan. Mereka ini menerima keistimewaan seperti bakses dan pencen. Namun masih ramai juga BEKAS perajurit yang tercicir. Pendekatan kearah meningkatkan kapasiti anggota tentera yang akan bersara, perlu ditumpukan kepada menjadikan mereka itu lebih berdikari dan berupaya untuk menyesuaikan diri dengan keadaan dan persekitaran yang berbeza. Sudah sampai masanya pihak eksekutif dan ABDB, perlu memikirkan cara baik untuk menggalakkan mereka ini, supaya dapat memiliki keperluan asas seperti perumahan.

Akhirnya beta sukacita mengucapkan tahniah dan selamat menyambut hari ulang tahun yang ke 52, kepada seluruh warga ABDB dimana saja mereka berada, termasuk juga mereka yang sedang bertugas dalam operasi pengamanan di Lubnan dan Filipina. Semoga segala khidmat bakti mereka itu akan dapat ganjaran dan berkat daripada ALLAH SWT.

Sekian.